

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA  
[ PARIT]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 16**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

- a. apakah respon yang telah diperoleh oleh Kementerian daripada para petani berkenaan cadangan Kerajaan untuk menggabungkan sawah sebagai salah satu langkah untuk menghapuskan kemiskinan para pesawah ; dan
- b. apakah jaminan Kementerian pemilik tanah tidak akan kehilangan aset mereka sekiranya penyatuan petak sawah bagi kerja-kerja penanaman padi direalisasikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan penyatuan tanah ini akan hanya melibatkan penyatuan pengurusan tanah tanpa sebarang pengambilalihan atau pertukaran hak milik tanah pesawah. Cadangan penyatuan tanah ini bukan sahaja dengan hasrat untuk meningkatkan produktiviti hasil, tetapi yang lebih utama juga adalah bahawa manfaat daripadanya harus diraih oleh kelompok tuan tanah dan pesawah yang terlibat itu, selain juga kepada kerajaan sendiri. Faktor kejayaan utama bagi

## **SOALAN NO : 16**

penyatuan tanah adalah penerimaan pesawah dan tuan tanah terlibat. Sekiranya sokongan diperoleh daripada pemilik tanah dan pesawah terhadap cadangan ini maka sebarang model yang akan diperkenalkan kelak akan dapat dilaksanakan tanpa halangan.

2. Konsep pengurusan tanah ini melibatkan pengurusan ladang dari peringkat penanaman, penuaian sehingga ke pemasaran yang akan diuruskan oleh satu badan pengurusan samada seperti syarikat atau koperasi. Cadangan ini dibuat bagi memastikan pengurusan yang lebih cekap dengan ladang bersaiz ekonomi (*economic of scale*) memandangkan didapati kebanyakan sawah yang diusahakan dalam skala kecil sukar untuk meningkatkan produktiviti dan menjana pendapatan pesawah; selain menyukarkan pengurusan ladang dan pengurusan bantuan dilaksanakan.

Kaedah pulangan kepada pesawah samada dalam bentuk kerjasama strategik, pembayaran secara langsung dalam bentuk sewaan atau pajakan, perkongsian keuntungan (*profit sharing*) atau seumpamanya masih dalam penelitian lagi. Libat urus akan dilakukan bagi memastikan pesawah dan pemilik tanah memahami konsep pelaksanaan model ini.

3. Kerajaan sentiasa memastikan pemilik tanah diberi keutamaan dan tidak perlu bimbang atas kehilangan aset mereka sekiranya cadangan penyatuan petak sawah bagi kerja-kerja penanaman padi direalisasikan. Konsep penyatuan tanah yang dilaksanakan bersama pesawah adalah dalam tempoh yang dipersetujui dan tidak melibatkan sebarang pertukaran hak milik tanah mahupun perubahan batas persempadanan tanah hak milik. Pemilik tanah (pesawah) kekal memiliki tanah mereka.

Sekian, terima kasih.